

07 APR 2003

Gawai-Sarawak/I

SIBU TUAN RUMAH GAWAI DAYAK KEBANGSAAN PADA 14 JUN

SIBU, 7 April (Bernama) -- Rumah terbuka Gawai Dayak peringkat kebangsaan akan diadakan di Dataran Sibu pada 14 Jun.

Menteri Muda Sarawak bagi Pelancongan Peter Nyarok hari ini berkata Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Rashid dijadual merasmikan majlis itu, satu daripada 15 kegiatan utama di bawah program Tahun Pelancongan Sarawak 2003.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga dijangka hadir.

Lebih daripada 100,000 termasuk tetamu asing dijangkakan menyertai perayaan itu kelak.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat jawatankuasa kerja mengenainya, Nyarok berkata ini merupakan kali kedua acara itu diadakan pada taraf kebangsaan selepas yang pertama di Kuching tahun lepas.

Beliau berkata ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Negeri bagi Pelancongan dan Pembangunan Sosial dan Perbandaran.

"Melalui acara ini, kami berharap untuk menunjukkan keunikan perayaan gawai, warna warni masyarakat dayak dan keindahan Sarawak ke dunia luar."

Pada masa yang sama kami juga berharap untuk mempamerkan perpaduan kukuh dan penyatuan erat rakyat Malaysia pelbagai kaum, kata Nyarok.

Beliau berkata Menteri Negeri bagi Pembangunan Sosial dan Perbandaran Datuk Seri Dr James Jemut Masing merupakan pengerusi jawatankuasa utama penganjuran.

Beliau berkata Yang di-Pertuan Agong and Raja Permaisuri Agong akan diberikan sambutan tradisional Dayak semasa ketibaan dan kemudian akan dijemput ke rumah terbuka Iban, Bidayuh dan Orang Ulu, tiga kumpulan utama Dayak.

Antara persembahan yang akan diadakan ialah tarian kebudayaan Dayak, persembahan artis jemputan, pertunjukan bunga api dan jamuan malam.

Lima puluh stesen televisyen asing dan kira-kira 100 wartawan dijangka membuat liputan majlis itu.

-- BERNAMA

ESS RON